



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: **JBNS(A):100-4/10 Vol.(2)(3)**

Tarikh : **3 Januari 2017**

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 1 TAHUN 2017
SISTEM POL MESTI DIGUNAKAN UNTUK SEMUA KENDERAAN DAN
JENTERA YANG MENGAMBIL MINYAK DAN PELINCIR DI STESEN
PAM MINYAK JKR PUTATAN MULAI 1 FEBRUARI 2017.**


1. TUJUAN

Surat pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal / Pemegang Waran Peruntukan tentang kemestian menggunakan Sistem POL untuk semua kenderaan dan jentera yang perlu mendapatkan bekalan minyak dan pelincir di **Stesen Pam minyak JKR Putatan** berkuatkuasa **1 Februari 2017**.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Dua surat pekeliling dari Jabatan Bendahari Negeri Bil.12 Tahun 2016 dan Bil.17 Tahun 2016 telah diedarkan sebelum ini untuk menguatkuasakan pelaksanaan Sistem POL.
- 2.2 Stesen Pam minyak JKR Putatan telah dipasang dengan sistem pam digital dan sudah beroperasi sepenuhnya untuk menampung pengambilan minyak dan pelincir melalui Sistem POL.

..../2-



3. KEMESTIAN MENGGUNAKAN SISTEM POL UNTUK PENGAMBILAN MINYAK DAN PELINCIR DI STESEN PAM MINYAK JKR PUTATAN MULAI 1 FEBRUARI 2017.

3.1 Semua kenderaan dan jentera yang perlu mendapatkan bekalan minyak dan pelincir di Stesen Pam minyak JKR Putatan dimestikan menggunakan Sistem POL.

3.2 Semua kenderaan dan jentera yang berpusat di Daerah Kota Kinabalu mesti didaftar dalam Sistem POL untuk membolehkan pengambilan minyak di Stesen Pam minyak JKR Putatan melalui Sistem POL.

3.3 Semua kenderaan dan jentera yang berpusat di luar Daerah Kota Kinabalu jika ada keperluan mendapatkan bekalan minyak dan pelincir di Stesen Pam minyak JKR Putatan perlu didaftarkan dalam Sistem POL.

3.4 Semua kenderaan dan jentera yang tidak didaftarkan dalam Sistem POL tidak dibenarkan mengambil minyak dan pelincir di Stesen Pam minyak JKR Putatan.

4. TANGGUNGJAWAB PIHAK JABATAN KERJA RAYA

Pihak Jabatan Kerja Raya adalah bertanggungjawab untuk memastikan bekalan minyak dan pelincir tidak dibekalkan kepada kenderaan dan jentera yang tidak menggunakan Sistem POL untuk pengambilan minyak dan pelincir di Stesen Pam minyak JKR Putatan mulai **1 Februari 2017**.

5. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 12 Tahun 2016 bertarikh 11 November 2016 dan Bil. 17 Tahun 2016 bertarikh 05 Disember 2016.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan pelaksanaan pekeliling ini hendaklah berhubung dengan Penolong Bendahari Negeri/ Akauntan Kanan/ Akauntan di Bahagian Pengurusan Akaun Awam, Jabatan Bendahari Negeri di talian 272279/ 272460/ 272251.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"


(CHUI NGAI NGO)
Bendahari Negeri

s.k Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sabah
Blok A, Aras 4
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS-Sulaman, Beg Berkunci No. 2021
88450 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Bangunan KPI
88582 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU